

MERDEKA

WACANA PEMBANGUNAN DAN KEDAULATAN NEGARA

Dikumpul dan Disusun oleh
Mustapa Kassim
Abdul Rahman Abdul Aziz
Muhammed Nor Azman Nordin
Hasliza Shafie



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



MERDEKA

WACANA PEMBANGUNAN DAN KEDAULATAN NEGARA



MERDEKA

WACANA PEMBANGUNAN DAN KEDAULATAN NEGARA

Dikumpul dan Disusun oleh
Mustafa Kassim
Abdul Rahman Abdul Aziz
Muhamed Nor Azman Nordin
Hasliza Shafie



Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad
Sintok • 2007

PUSTAKA PERDANA



1008705

ISBN 978-983-43549-1

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

© 2007 Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara
Malaysia

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin daripada Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Diterbitkan oleh:
Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad

Dicetak oleh:
Penerbit Universiti Utara Malaysia

959 5
MER

KANDUNGAN

<i>Kata Aluan Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
Pengenalan	3
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-25	27
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-26	33
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-27	37
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-28	43
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-29	47
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-30	51
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-31	55
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-32	59
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-33	63
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-34	67
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-35	71
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-36	75
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-37	79
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-38	85
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-39	89
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-40	97
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-41	103
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-42	111
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-43	121
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-44	129
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-45	137
Perutusan Hari Kebangsaan Ke-46	145
<i>Mutiara Kata</i>	157
<i>Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>	175



KATA ALUAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



No. 1, Jalan P8H
Precint 8
62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan
www.perdana.org.my
Tel: 603 8885 8900
Fax: 603 8889 1166

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA
(604642-J)

Saya berbesar hati kerana diberi peluang memberi kata aluan untuk koleksi ucapan-ucapan sempena Hari Kebangsaan yang dibuat oleh saya semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Apabila saya membaca koleksi itu, saya dapati, setiap satu dari ucapan saya itu berkisar mengenai kemerdekaan, betapa penting kemerdekaan itu dan betapa sukarnya bagi sesebuah negara untuk mencapai kemerdekaan.

Saya sedar bahawa generasi yang saya pimpin dalam tempoh saya menjadi Perdana Menteri ramai yang terdiri dari generasi selepas merdeka, yang lahir selepas tahun 1957.

Bagi saya, mereka ini mungkin mampu membayangkan bagaimana sukarnya hidup dijajah namun tidak mungkin dapat menjiwainya sebagaimana yang dirasai oleh generasi saya.

Tetapi ini tidak menjadi satu alasan untuk mereka tidak dapat merasakan betapa pentingnya kemerdekaan itu dan yang lebih penting, untuk mempertahankan kemerdekaan yang sedang dinikmati.

Malahan, bagi saya, cabaran yang dihadapi generasi kini, di dalam mempertahankan kemerdekaan adalah lebih sukar berbanding dengan perjuangan memerdekakan negara pada tahun 1940-an membawa tahun 1957.

Jika pemimpin zaman itu melihat penjajahan secara jelas dan mutlak, penjajahan masa kini lebih halus dan sukar dikesan.

Konsep *neo-colonialism* pasca merdeka bukan sesuatu yang boleh kita ambil ringan. Ia berlaku setiap hari di depan mata kita tetapi tiada apa yang mampu kita lakukan

kecuali bergantung kepada kepimpinan mengambil langkah untuk menyekatnya dan sentiasa mengingatkan rakyat tentang ancaman ini.

Kita juga sering melihat bagaimana *neo-colonialism* masa kini melakukan penjajahan dalam bentuk baru menerusi ekonomi dan social malahan juga penjajahan minda.

Penjajahan secara paksa terus juga dilakukan seperti yang kita lihat berlaku di Afghanistan, Iraq serta Lebanon dan Palestin.

lanya dilakukan tanpa rasa malu dan kuasa besar yang melakukannya menggunakan slogan demokrasi sebagai alasan.

Kesemua ini jelas menunjukkan bahawa penjajahan tetap subur dan Malaysia tidak terkecuali dari agenda kuasa-kuasa besar serta pendokong Zionism yang rakus serta tidak berperikemanusiaan ini.

Rakyat Malaysia harus sedar bahawa wujud dalang-dalang di sekeliling kita yang bersedia untuk membantu kuasa-kuasa itu – semestinya sentiasa berwaspada terhadap ancaman-ancaman mereka.

Saya berharap apa yang telah saya ucapkan semasa saya memimpin negara dapat menjadi panduan untuk rakyat Malaysia menyedari betapa pentingnya kemerdekaan negara serta betapa perlunya kita mempertahankannya.

Jika kita lalai, kita akan menjadi hamba di negara kita sendiri. Selagi ada kudrat, itu harus kita tentang dengan apa cara sekalipun.



Dr. Mahathir Mohamad

11 Ogos 2006